

"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

ASPIRASI

Edisi 4/2024

PEMBENTANGAN PELAN STRATEGIK KPF 2025-2027:

MENUJU KECEMERLANGAN

KPF
TURUT SERTA
MISI BANTUAN
BANJIR FELDA

ANUGERAH
RAKAN
MUAFAKAT BTS



KPF SAMBUT BAIK KUNJUNGAN PENGARAH SKMWP

KUALA LUMPUR, 2 OKTOBER 2024 – Koperasi Permodalan FELDA (KPF) menyambut baik kunjungan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan (SKMWP), YBrs. Tuan Haji Fadilah Salim, bersama delegasi pengurusan kanan SKM.

Lawatan ini bertujuan memperkukuh hubungan antara SKM dan KPF melalui perbincangan strategi penambahbaikan KPF demi kesejahteraan anggota.

Delegasi SKMWP disambut mesra oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, serta barisan pengurusan kanan KPF termasuk YBrs. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, dan Ketua Syarikat Subsidiari.

Lawatan ini memberi peluang KPF untuk berkongsi inisiatif dan mendapatkan pandangan SKM demi memperkukuh kedudukan koperasi. KPF berharap usahasama yang dirancang dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan hubungan erat ini terus berkembang di masa hadapan.



LAWATAN KERJA PENGERUSI KPF KE LADANG GUA MUSANG



GUA MUSANG, 8 OKTOBER 2024 – Pengerusi KPF, YBhg. Dato’ Mohd Banuri Aris, mengadakan lawatan kerja ke Ladang Blau dan Ladang Galas milik KPF di Gua Musang. Lawatan ini bertujuan meninjau status terkini ladang, mengenal pasti potensi penambahbaikan, dan memastikan operasi ladang selari dengan objektif koperasi.

Dato’ Pengerusi menerima taklimat khas daripada Pengurus Ladang Blau, Encik Abdul Rahman, mengenai prestasi operasi ladang dan cabaran yang dihadapi, serta melawat aktiviti perniagaan syarikat-syarikat di bawah Kumpulan KPF di kawasan tersebut.

Turut hadir dalam lawatan ialah wakil-wakil Lembaga KPF, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan YBrs. Puan Sakinah Salleh, dan pengurusan kanan anak syarikat KPF. Lawatan ini mencerminkan komitmen KPF dalam memastikan pelaburan berjalan lancar dan produktif.





MISI SANTUNAN KASIH FELDA, KPF DAN YAYASAN FELDA DI FELDA LASAH

SUNGAI SIPUT, 16 OKTOBER 2024 – Misi Santunan Kasih di Felda Lasah, Sungai Siput, telah diadakan diketuai oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA, merangkap Pengerusi KPF. Bantuan banjir berupa makanan asas telah diserahkan kepada 75 keluarga mangsa banjir, termasuk penduduk kampung berhampiran yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara SMK Felda Lasah.

Lawatan turut meliputi pusat penempatan sementara dan kawasan rumah penduduk yang terjejas banjir. Misi ini bukan sekadar memberikan bantuan material tetapi juga sokongan moral kepada mangsa. Turut hadir dalam misi ialah Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Yayasan Felda, dan komuniti setempat.



PERASMIAN D'MART SEGI FRESH CAWANGAN KE-19 DI FELDA PEMANIS



SEGAMAT, 18 OKTOBER 2024 – Perasmian D'Mart Segi Fresh cawangan ke-19 di Felda Pemanis 1, oleh Setiausaha KPF yang juga Pengarah Pembangunan Komuniti & Generasi FELDA, YBrs. Encik Mohd Helmi Fakhzan Abd Wahab, merupakan langkah penting KPF dalam memperkukuh perniagaan di kawasan FELDA dan beri kemudahan kepada warga Felda. Kehadiran pasar raya ini memudahkan akses kepada barangan segar dan berkualiti serta menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

D'Mart turut memperkenalkan kad keahlian dengan harga ahli lebih murah, memberi manfaat kepada penduduk Felda Pemanis 1 dan sekitar. Inisiatif ini menunjukkan komitmen KPF terhadap perniagaan mampan dan pembangunan ekonomi masyarakat rancangan Felda.

LAWATAN JAWATANKUASA SYARIAH KPF PASTIKAN PRODUK D’MART SEGI FRESH PATUH SYARIAH



“ Kesemua ahli jawatankuasa syariah berpuas hati dengan operasi perniagaan D’Mart Segi Fresh yang mematuhi semua prinsip syariah yang ditetapkan, khususnya dalam memastikan produk yang dijual adalah halal dan mematuhi undang-undang syariah. ”

SUNGKAI, PERAK, 18 OKTOBER 2024 – Jawatankuasa Syariah KPF yang diketuai oleh YBhg. Profesor Dato’ Dr. Aznan Hasan bersama ahli lain, YBhg. Dato’ Syed Mohd Ghazali Wafa dan YBhg. Dato’ Hj. Mohd Yusof Din, telah mengadakan lawatan ke D’Mart Segi Fresh di Felda Gunung Besout 1. Lawatan ini bertujuan memastikan operasi dan produk mematuhi prinsip syariah, khususnya dalam aspek halal.

Sebelum lawatan, **Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Kali Ke-2 2024** telah diadakan bagi meneliti operasi dan produk D’Mart Segi Fresh, dengan penekanan terhadap barangan halal, berkualiti, dan harga berpatutan. Fokus juga diberikan kepada kebersihan, termasuk proses pengendalian ayam segar untuk memastikan standard tinggi di patuhi.

Lawatan ini turut memperhalusi amalan perniagaan bagi memastikan semua barangan mematuhi peraturan dan undang-undang syariah. Penekanan terhadap halal dan kebersihan meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap produk yang dijual.

Hasil lawatan membuktikan D’Mart Segi Fresh mematuhi sepenuhnya prinsip syariah, memastikan operasi dan produk berkualiti, bersih, halal, dan mampu milik untuk memenuhi keperluan pelanggan.





PERASMIAN D'MART SEGI FRESH CAWANGAN KE-20 DI FELDA LURAH BILUT

BENTONG, PAHANG, 19 OKTOBER 2024 – D'Mart Segi Fresh merasmikan cawangan ke-20 di FELDA Lurah Bilut, Felda pertama di Malaysia, oleh Ketua Peneroka Wilayah Mempaga, Encik Abd Ghani Taib.

D'Mart yang kini dijenamakan semula sebagai D'Mart Segi Fresh menawarkan barangan harian murah dan segar, disambut baik oleh komuniti Felda Lurah Bilut yang berbilang kaum.

Majlis turut dihadiri wakil KPDN, Pengerusi GPW Gabungan, Pengurus Felda Lurah Bilut, Naib Pengerusi JKRR, dan Imam Masjid Felda.



PERASMIAN CAWANGAN KE-21 D'MART SEGI FRESH DI FELDA BUKIT SAGU 01



KUANTAN, 26 OKTOBER 2024 – D'Mart Segi Fresh Felda Bukit Sagu 01, cawangan ke-21, telah dirasmikan oleh Pengerusi GPW Gabungan Wilayah Kuantan, YBhg. Dato' Safariah Awang Ngah.

Pembukaan ini memperluaskan akses kepada barangan segar dan berkualiti untuk komuniti FELDA serta menyokong pembangunan ekonomi setempat.

Orang ramai dijemput berkunjung ke pasaraya D'Mart Segi Fresh di Rancangan Felda!



KERJASAMA STRATEGIK KPF DAN KOPERASI PENEROKA FELDA KARATONG DUA DALAM PEMBELIAN BTS

BANDAR TUN RAZAK, 3 OKTOBER 2024 – “Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan FELDA, khususnya Pejabat Wilayah Kuantan, pengurus saya Encik Faizul, serta wakil daripada KPF atas pertemuan hari ini. Bagi saya, ini adalah satu perjumpaan yang bersejarah, terutamanya berkaitan aktiviti pembelian sawit. Saya berharap aktiviti ini dapat diteruskan demi kelangsungan hidup para peneroka di Keratong Dua,” ucap Tuan Haji Mahamad Mohayadi Hassan, Pengerusi Koperasi Peneroka FELDA Keratong Dua Rompin Berhad, selepas sesi penyerahan dokumen pelantikan dan penandatanganan wakalah.

Melalui majlis ini, Koperasi Peneroka FELDA Keratong Dua Rompin Berhad secara rasmi dilantik sebagai Rakan Usahasama Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi melaksanakan aktiviti pembelian, penjualan, pengalihan buah tandan segar (BTS), serta kutipan hutang daripada peneroka mandiri di Rancangan tersebut.

Majlis yang berlangsung di Pejabat Koperasi Peneroka FELDA Keratong Dua Rompin Berhad turut dihadiri oleh Ketua Jabatan Perladangan KPF, Encik Mohd Shah Rezza Yahya; Wakil Pengurusan Wilayah, Tuan Haji Muhammad Firdaus Mansor; Pengurus Rancangan, Encik Mohd Faizul Asmah; Pengurus Kilang FGVPI Keratong Dua; serta beberapa wakil dari koperasi rancangan berkenaan.



MESYUARAT JPPK KILANG SWASTA (FELDA WILAYAH RAJA ALIAS)

BANDAR BARU BANGI, 22 OKTOBER 2024 – Mesyuarat pertama berkaitan operasi pembelian Buah Tandan Segar (BTS) di lapan Rancangan FELDA oleh KPF di Wilayah Raja Alias telah diadakan di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi. Mesyuarat ini yang membincangkan pelaksanaan dan penambahbaikan aktiviti pembelian BTS, telah dipengerusikan oleh YBr. Encik Mohd Helmi Fakhzan Abd Wahab, selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Belian BTS merangkap Setiausaha KPF.

Turut hadir di mesyuarat ini ialah YBr. Encik Mohd Saidiee Salleh, Pengarah Wilayah FELDA Wilayah Raja Alias; YDh. Encik Mohd Shah Rezza Yahya, Ketua Jabatan Perladangan KPF; serta wakil-wakil dari Pengurusan Rancangan.

SESI LIBAT URUS AKTIVITI BTS DAN KUTIPAN HUTANG DI FELDA SELENDANG 01

ROMPIN, 23 Oktober 2024 – Sesi libat urus di Pejabat FELDA Selendang 01 berjaya membincangkan isu pembelian, penjualan, pengalihan buah tandan segar (BTS), dan kutipan hutang peneroka mandiri. Timbalan Pengerusi Koperasi FELDA Selendang 1, Encik Mohamad Ibrahim, mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan berharap perbincangan ini menghasilkan keputusan yang bermanfaat untuk semua.

Turut hadir ialah Ketua Jabatan Perladangan KPF, YBr. Encik Mohd Shah Rezza Yahya, wakil pengurusan Wilayah, dan wakil koperasi serta Kilang FGVPI.



PEMBENTANGAN PELAN STRATEGIK: PERBINCANGAN KOMPREHENSIF HALATUJU KPF 2025-2027



MELAKA, 13-15 NOVEMBER 2024 - KPF telah mengadakan sesi pembentangan Pelan Strategik, Bajet, Polisi, dan Undang-Undang Kecil (UUK) bersama Anggota Lembaga, bertujuan memperkukuh kedudukan dan prestasi organisasi bagi tahun 2025-2027. Fokus utama termasuk memastikan aktiviti pelaburan dan perniagaan mampan, pengurusan kewangan yang efisien, komunikasi korporat yang cekap, serta meningkatkan keyakinan dan pengurusan anggota koperasi.

Pembentangan ini turut melibatkan KPFMB dan enam syarikat subsidiari, iaitu KPF Felda D'Saji, KPF Plantation, KPF Agro, KPF Trading, KPF Niaga, dan KPF Hotel Management. Selain itu, Polisi dan SOP Kumpulan dibangunkan untuk menyokong amalan terbaik industri, seperti Polisi & SOP Operasi serta SOP Aktiviti Pelaburan, bagi meningkatkan kecekapan operasi dan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berintegriti.

Sesi dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF, dengan kehadiran barisan Anggota Lembaga, YBrs. Puan Sakinah Salleh selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, serta Ketua-ketua Syarikat Kumpulan. Perbincangan ini mencerminkan komitmen KPF dalam melangkah maju sebagai koperasi berdaya saing dan progresif.





KPF HARGAI SUMBANGAN RAKAN MUAFAKAT BTS

BANDAR BARU BANGI, 26 NOVEMBER 2024 – KPF menganjurkan Majlis Penghargaan dan Ramah Mesra Rakan Muafakat Aktiviti BTS di Hotel Tenera untuk menghargai kerjasama koperasi dan badan peneroka dalam menjayakan aktiviti membeli, menjual, dan mengalih BTS. Majlis ini juga memperkukuh hubungan kerja antara KPF dan rakan muafakat, yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti FELDA.

Menurut Setiausaha KPF, Encik Helmi Fakhzan Abd Wahab, kerjasama ini mencatatkan purata pembelian bulanan 50,000-60,000 tan metrik dengan nilai transaksi RM45-50 juta. Kutipan hutang peneroka pula mencapai RM500 ribu sebulan, menjadikan jumlah terkumpul setakat Oktober 2024 sebanyak RM5.09 juta.

Pada majlis tersebut, Koperasi FELDA Purun Berhad meraih Anugerah Operasi dan Pengurusan Terbaik dan Anugerah Kutipan Hutang Tertinggi, manakala Majlis Pembangunan Komuniti Jengka 1 menerima Anugerah Jumlah Urusniaga Tertinggi. Anugerah Urusniaga BTS Mampan diberikan kepada Koperasi FELDA Chemomoi Bentong Berhad, dan Koperasi FELDA Sebertak Pahang Berhad dianugerahkan Anugerah Jumlah Peserta Terbanyak.

“
kerjasama ini mencatatkan purata pembelian bulanan 50,000-60,000 tan metrik dengan nilai transaksi RM45-50 juta. Kutipan hutang peneroka mencapai RM500 ribu sebulan, menjadikan jumlah terkumpul setakat Oktober 2024 sebanyak RM5.09 juta.”

YBrs. Encik Helmi Fakhzan Abd Wahab
Setiausaha KPF





TAKLIMAT IKMa: PERKUKUH TANGGUNGJAWAB & ETIKA KORPORAT LEMBAGA DAN PENGURUSAN

MELAKA, 13 NOVEMBER 2024 – Satu sesi taklimat bersama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diadakan untuk meningkatkan pemahaman mengenai tanggungjawab dan etika korporat dalam pengurusan koperasi. Taklimat ini disampaikan oleh YBrs. Puan Norbiha Kasmuri, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi, kepada 42 peserta termasuk Anggota Lembaga KPF yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, dan Pengurusan KPF yang diketuai oleh YBrs. Puan Sakinah Salleh.

Sesi ini memberi pendedahan kepada panduan pengurusan koperasi yang berkesan, bertujuan memperkukuh tanggungjawab dan etika korporat dalam melaksanakan amanah koperasi dengan lebih profesional.



KUNJUNGAN HORMAT DAN SESI PERBINCANGAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA ENCORP DAN KPF

KUALA LUMPUR, 18 NOVEMBER 2024 – Satu sesi kunjungan hormat antara Encorp Berhad dan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah berlangsung di Balai Felda.

Perjumpaan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua organisasi sambil meneroka peluang kerjasama strategik yang mampu memberikan impak positif kepada anggota KPF yang terdiri daripada warga FELDA khususnya.

Dalam sesi ini Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, menekankan peranan KPF dalam memperkukuh kesejahteraan ekonomi anggota. Beliau juga menggariskan kepentingan kerjasama strategik dengan Encorp, yang berpengalaman dalam pembangunan hartanah dan inisiatif mampan, bagi merealisasikan aspirasi KPF untuk manfaat anggota secara berterusan.



Sesi ini diakhiri dengan komitmen untuk merangka pelan tindakan bersama, dengan harapan kerjasama ini memberi manfaat besar kepada KPF, Encorp, dan anggota KPF.

Sesi ini disertai oleh delegasi Encorp Berhad yang diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Yusmadi Mohd Yusof, Pengerusi & Pengarah.

KPF HADIRI KURSUS MENGGRED BUAH TANDAN SEGAR (BTS) SAWIT



GEMENCHEH, 19 NOVEMBER 2024 – KPF, diwakili oleh Ketua Jabatan Perladangan, YBrs. Encik Mohd Shah Rezza Yahya, menghadiri Kursus Menggred Buah Tandan Segar (BTS) Sawit anjuran FELDA Bukit Rokan Utara.

Penglibatan KPF dalam kursus ini mencerminkan komitmen koperasi dalam memastikan kualiti hasil sawit peneroka terus terjamin. Kursus yang dikendalikan oleh wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ini memberi penekanan terhadap pentingnya penggredan buah sawit untuk meningkatkan kadar perahan minyak (OER) dan menetapkan harga BTS yang kompetitif.



LIBAT URUS BTS BERSAMA 100 PENEROKA MANDIRI FELDA SELENDANG

KUALA ROMPIN, 20 NOVEMBER 2024 – Sesi libat urus bersama 100 peneroka mandiri di Felda Selendang Satu memberi penerangan tentang peranan Rakan Muafakat KPF dalam aktiviti Membeli, Menjual, dan Mengalih Buah Tandan Segar (BTS).

Diketuai oleh Ketua Jabatan Perladangan, YBrs. Encik Mohd Shah Rezza Yahya, sesi ini turut melibatkan wakil Pengurusan Wilayah, Pengurus Rancangan, dan peneroka lain. Pengalaman Felda Keratong 2 sebagai Rakan Muafakat KPF juga dikongsikan untuk panduan bersama.

Sesi ini bertujuan meningkatkan pemahaman dan sokongan peneroka terhadap usaha KPF dalam pengurusan BTS di rancangan tersebut.

SESI LIBAT URUS BELIAN BTS DI FELDA KERATONG 4



FELDA KERATONG 4, 5 NOVEMBER 2024 – Sesi libat urus mengenai 'Aktiviti Membeli, Menjual dan Mengalih Buah Tandan Segar (BTS) serta Kutipan Hutang' telah diadakan di Felda Keratong 4, Bandar Tun Razak, Pahang. Fokusnya adalah memberi penerangan kepada peneroka mengenai peluang kerjasama dengan KPF dalam aktiviti pembelian BTS.

Inisiatif ini, dimulakan sejak September 2019, bertujuan memperkukuh kerjasama strategik dan meningkatkan hasil ekonomi peneroka melalui rangkaian jualan BTS yang diuruskan KPF. Turut hadir dalam sesi tersebut adalah wakil-wakil Koperasi/Pertubuhan Peneroka FELDA Keratong 3 dan FELDA. Turut hadir dalam sesi tersebut adalah wakil-wakil Koperasi/Pertubuhan Peneroka FELDA Keratong 3 dan FELDA Keratong 5.



SESI RAMAH MESRA HARMONI BERSAMA ANGGOTA

BANGI 7 NOVEMBER 2024 - KPF telah mengadakan satu Sesi Ramah Mesra Harmoni Anggota Lembaga bersama anggota KPF. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan dan komunikasi dengan anggota melalui perkongsian status terkini mengenai pengeluaran syer, prestasi koperasi, dan pelan strategik KPF.

Fokus utama sesi ini adalah Penerangan Status Pengeluaran Syer dan Pelan Rasionalisasi Aset Pelaburan bagi memenuhi keperluan tunai serta merancang pendapatan mampan jangka panjang. Lebih 30 anggota hadir, menjadikan program ini platform komunikasi yang telus untuk mengekalkan kepercayaan anggota. Ini adalah sebagai platform terbaik bagi KPF mengadakan komunikasi dua hala bersama anggota.




KPF TURUT SERTA DALAM MISI BANTUAN BANJIR KUMPULAN FELDA



KUALA LUMPUR, 4 DISEMBER 2024 - Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) turut serta dalam Misi Bantuan Banjir Kumpulan FELDA, sebuah inisiatif solidariti bagi membantu mangsa banjir di kawasan FELDA yang terjejas. Majlis "flag-off" telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengerusi FELDA, di perkarangan Menara FELDA, dengan pelepasan konvoi 30 kenderaan pacuan 4 roda(4x4) menuju lokasi-lokasi bantuan.

Penglibatan KPF dalam misi ini mencerminkan komitmen koperasi untuk berganding bahu bersama semua entiti dalam Kumpulan FELDA, menyampaikan bantuan pasca banjir dengan semangat kebersamaan dan keprihatinan terhadap komuniti FELDA yang memerlukan.



MISI BANTUAN BANJIR DI PPP BUKIT ROKAN



FELDA BUKIT ROKAN, 3 DISEMBER 2024 - Petugas KPF Ibu Pejabat telah turun padang dalam misi bantuan banjir sebagai sebahagian daripada aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) KPF. Aktiviti ini melibatkan kerja-kerja pembersihan di Projek Pembangunan Peneroka (PPP) Bukit Rokan yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini. Bencana banjir tersebut telah memusnahkan rumah cendawan di kawasan tersebut, dengan hampir keseluruhan strukturnya mengalami kerosakan.

Komitmen petugas KPF dalam membantu memulihkan keadaan ini mencerminkan keprihatinan terhadap kesejahteraan komuniti setempat dan usaha untuk memulihkan ekonomi kawasan yang terjejas.



PEMBUKAAN CAWANGAN KE-28 D'MART SEGI FRESH SUNGAI BEHRANG



SLIM RIVER, 28 DISEMBER 2024 - Perasmian pembukaan D'Mart Segi Fresh Sungai Behrang merupakan cawangan ke-28 dalam rangkaian DMart Segi. Majlis ini menunjukkan komitmen Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) untuk terus memelihara kesejahteraan anggotanya melalui akses barangan segar dan diyakini halal. Inisiatif memperluas rangkaian DMart Segi ini akan terus digiatkan dan dijangka akan memberikan pulangan yang positif dalam aktiviti perniagaan KPF.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Behrang, Yang Berhormat Puan Salina Samsuddin. Turut hadir bersama adalah Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan merangkap Anggota Lembaga KPF dan juga Pengerusi KPF Trading, YBrs. Encik Sulong Jamil Mohamed Shariff. Jom ramai-ramai datang ke pasar raya D'Mart Segi Fresh di rancangan Felda.



Setinggi-tinggi

Tahniah



**YANG BERBAHAGIA
DATO' DR. SUZANA IDAYU WATI
BINTI OSMAN**

atas pelantikan sebagai

PENGARAH BESAR FELDA

Seluruh warga KPF dan Kumpulan mengucapkan Tahniah kepada YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman atas pelantikan sebagai Pengarah Besar FELDA.

Selamat Maju Jaya!

TENERA HOTEL & SUITES
BUFET RAMADAN 2025
Serantau Desa
 3-29 MAC 2025
 6.30PETANG - 9.30MALAM
 GRAND BALLROOM, HOTEL TENERA

MAKNA KHUSUS!
"EARLY BIRD"
 SEHINGGA 15 FEBRUARI
RM 98+

MAKNA YEBERAS
 BERSAMA
RM 158
 BERSAMA
RM 78

DIYAKINI
 BEST RAMADAN BUFFET
 2019-2024
 GASTRONOMY ASSOCIATION
 OF MALAYSIA

DUNJAN SETIAP HARI!

+603 8929 9600
 +6019 385 4736
 hoteltenerabangi hoteltenera www.tenerahotel.com.my

Ekshlusif di:
Segi fresh D'Mart Segi fresh Dhsan Segi fresh **SINAR**

Beli & Menang
 1 Februari hingga 31 Mac 2025
Bernilai lebih *RM16,000

MEMBERS
 2X
 Entri

Hadiah Utama
 x 1 Pemenang
 • Jongkong Emas 999.9 20g

Hadiah Kedua
 x 1 Pemenang
 • LG Refrigerator 335L

Hadiah Ketiga
 x 3 Pemenang
 • Samsung Bespoke Grill Microwave Oven 23L

Hadiah Keempat
 x 4 Pemenang
 • PerySmith Stand Mixer 5.5L

Hadiah Saguhati
 x 30 Pemenang
 • Hamper SINAR bernilai RM50

LANGKAH PENYERTAAN

1. Dengan pembelian produk SINAR bernilai RM20 atau lebih.
2. Tempah QR Code untuk setiap pembelian dari SINAR.
3. Masukkan maklumat / info pembelian anda.

***Terma dan syarat**

1. Hadiah-hadiah tertera di atas adalah untuk pertandingan "Beli & Menang" di antara pelanggan Segi Fresh, D'Mart Segi Fresh dan Dhsan Segi Fresh.
2. Gembira sangat untuk agapan berterima kasih.
3. Tertakluk pada terma dan syarat.

*Tertakluk pada terma dan syarat

segifresh | @segifreshmarket | segifresh | D'Mart Segi Fresh | Dhsan Segi Fresh

**TIME FOR RENEWAL?
 DONE IN A FEW
 CLACKS**

maikliq.my

Scan QR code
 For Free
 Quotation

4 SIMPLE STEPS

Step 1 Fill in your details
Step 2 Compare & select Quotation
Step 3 Personal Information
Step 4 Make Payment

f @ maikliq

*Subject to terms & conditions

812-457 7054

BELI & MENANG

Tempoh kempen:
01 JANUARI - 28 FEBRUARI 2025

JANUARI
 Hadiah
 baucar bernilai
RM50.00
 *5 pemenang sahaja

FEBRUARI
 Hadiah
 baucar bernilai
RM50.00
 *5 pemenang sahaja

* Tertakluk pada terma dan syarat

KPF Niaga Sdn. Bhd.

GRAND PRIZE

Philips Steam Generator Iron

TERBITAN: